

Ismail Sabri beri keterangan hari kedua di SPRM

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi keterangan untuk hari kedua di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, semalam berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram

membabitkan dirinya.

Beliau hadir kira-kira pukul 8.46 pagi menaiki sebuah kenderaan berwarna gelap dengan diiringi polis pengiring malah sempat membuka tingkap kenderaan dan melambai ke arah wartawan dan jurugambar yang berada di luar perkarangan bangunan SPRM.

Ismail Sabri kemudian ke-

luar pada 12.30 tengah fiari untuk solat Jumaat. Pada sebelah petangnya iaitu kira-kira pukul 3.25 petang, beliau hadir semula untuk menyambung sesi memberi keterangan.

Kelmarin media melaporkan, Ismail Sabri selesai memberi keterangan lebih lima jam kepada SPRM. Pada 11 Februari lalu, beliau mula disiasat berhubung

perbelanjaan ratusan juta ringgit yang dibelanjakan untuk promosi dan publisiti semasa pentadbirannya.

Hasil siasatan dijalankan, SPRM merampas wang tunai dalam pelbagai bentuk mata wang berjumlah RM170 juta bersama jongkong emas bernilai RM7 juta.

Rampasan itu dibuat hasil

serbuan terhadap tiga premis termasuk *safe house* selepas SPRM menahan empat bekas pegawai kanannya ketika menjadi Perdana Menteri.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki mengesahkan Ismail Sabri bukan lagi saksi sebaliknya adalah seorang suspek dalam kes berkenaan.